



KENYATAAN MEDIA

KPKT TERAJUI PROJEK LOJI WASTE-TO-ENERGY (WtE) SUNGAI UDANG DEMI TRANSFORMASI PENGURUSAN SISA NEGARA

PUTRAJAYA, 19 JUN 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah memeterai **Perjanjian Konsesi bagi reka bentuk, pembinaan, pembiayaan, pengoperasian, penyelenggaraan dan penutupan Loji Rawatan Sisa Pepejal Waste-to-Energy (WtE) di Sungai Udang, Melaka** menerusi pendekatan Kerjasama Awam - Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP). Loji ini merupakan fasiliti WtE kedua negara, selepas Loji WtE Ladang Tanah Merah, Port Dickson yang telah siap dibina pada tahun 2023.

Perjanjian ini ditandatangani oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Encik Khalid bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta Encik Anwar Syahrin Abdul Ajib, Pengarah Syarikat Sungai Udang WtE Sdn. Bhd dan disaksikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (YB KM).

Turut hadir ialah wakil-wakil kementerian dan agensi berkaitan termasuk Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Projek ini akan dilaksanakan oleh **konsortium Malakoff Corporation Berhad dan Alam Flora Environmental Solutions Sdn. Bhd. (AFES)** melalui kaedah ***Build, Operate & Own* (BOO)** dengan nilai pelaburan RM660 juta untuk tempoh konsesi 34 tahun, termasuk fasa pembinaan selama 3 tahun iaitu dari 2026 hingga 2029. Loji ini menggunakan teknologi pembakaran *stoker grate* yang menepati keperluan teknikal dan piawaian alam sekitar. Konsortium juga komited untuk menambah relau kedua (*second line*) sebagai jaminan kelestarian operasi.

Loji WtE Sungai Udang dijangka memberikan impak besar terhadap alam sekitar dan pengurusan sisa negara. Ia **berupaya memproses 1,000 tan sisa pepejal sehari, menjana sehingga 22 megawatt tenaga elektrik dan mengurangkan lebih 259,000 tan pelepasan karbon dioksida setahun** (bersamaan penanaman lebih 4 juta pokok). Ia juga akan **dilengkapi dengan sistem rawatan air larut resap** (*leachate treatment*

plant) berkapasiti 96 meter padu dan dibina atas tapak seluas 9.8 ekar di Tapak Pelupusan Sungai Udang.

KPKT menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) terus memainkan peranan sebagai agensi peneraju dalam merancang dan menyelaraskan pelaksanaan teknologi WtE sebagai pendekatan bersepadu pengurusan sisa negara.

Projek ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan dasar “*One WtE One State*” dan strategi pembangunan 18 Loji WtE di seluruh Semenanjung Malaysia. Inisiatif ini menyasarkan kapasiti penjanaan sehingga 600 megawatt tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050, sekali gus menyokong matlamat nasional untuk mencapai 70 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui.

Loji Sungai Udang menyumbang 22 megawatt, dan merupakan salah satu daripada sembilan fasiliti di bawah negeri-negeri yang menggunakan pakai Akta 672. Projek ini bukan sahaja penting dari aspek teknikal, malah menyokong pelaksanaan Dasar Neutral Karbon berkonsepkan Sifar Sisa dan Sifar Toksik serta menyokong peralihan ke arah Ekonomi Kitaran.

KPKT yakin bahawa projek ini bukan sahaja akan menjadi penanda aras nasional, malah bakal menjadi model rujukan kepada pembangunan loji WtE lain di seluruh negara. Ia juga dilihat mampu memperkukuh ekosistem pelaburan dalam sektor teknologi hijau, memacu pemindahan teknologi, menjana peluang pekerjaan serta memperluas kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

